

Satu Kajian Proses Memahami Politik Baharu di Malaysia

(A Process of Understanding New Politics in Malaysia)

Sharmin Kutty Sivaraman^{1*}, Awang Azman Awang Pawi², Zulkanain Abdul Rahman³

¹Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: sharminkutty0207@gmail.com

²Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: awangazman@um.edu.my

³Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: zulkanaian@um.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Sharmin Kutty Sivaraman
(sharminkutty0207@gmail.com)

KATA KUNCI:

Politik Baharu
Proses Politik
Pilihan Raya Umum
Rakyat
Malaysia

KEYWORDS:

New Politics
Process of Politics
Election
Malaysia

CITATION:

Sharmin Kutty Sivaraman, Awang Azman Awang Pawi, & Zulkanain Abdul Rahman. (2022). Satu Kajian Proses Memahami Politik Baharu di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(12), e001835. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.1835>

ABSTRAK

Penerimaan rakyat terhadap suatu perkara baharu sudah semestinya memerlukan masa yang tertentu supaya mereka mampu untuk memahaminya secara mendalam. Begitu juga dengan politik baharu ini. Pilihan Raya Umum (PRU) merupakan satu saluran yang diberikan kepada rakyat untuk menunaikan tanggungjawab menerusi proses mengundi dan berpeluang untuk memilih wakil rakyat. Walau bagaimanapun, politik baharu ini merupakan satu proses yang berterusan dengan langkah-langkah tertentu. Rakyat juga perlu mengetahui sedikit sebanyak maklumat berkaitan proses politik baharu tersebut. Justeru, tujuan penulisan artikel ini adalah untuk mengkaji tentang proses politik baharu ini. Kaedah yang akan digunakan dalam penulisan ini ialah kaedah kualitatif secara sepenuhnya iaitu melalui pembacaan jurnal, temu bual, bahan bercetak dan laman sesawang yang tertentu. Dapatan kajian mendapati bahawa sebelum menilai politik baharu ini, rakyat Malaysia perlu mengetahui maklumat tentang apa, bila, bagaimana, dan mengapa politik baharu ini wujud agar dapat memahami dengan lebih mendalam berkaitan dengan proses politik negara. Keputusan PRU setiap lima tahun menunjukkan bahawa ilmu politik bersifat dinamik dan perubahan dapat dilakukan oleh rakyat jika mereka mengetahui maklumat penting sepenuhnya.

ABSTRACT

People's acceptance of a new thing would naturally take a certain amount of time so that they can understand it deeply. Such is also true in relation to new politics. The General Election (GE) is a channel given to the people to fulfill their responsibility as a citizen to vote and be given the opportunity to elect representatives of the people. However, new politics is an ongoing process undergoing certain steps. The people also need to know a little bit about

the new political process. Therefore, the purpose of writing this article is to study about this new political process. The method used in this study is the qualitative method, which is through the reading of journals, printed materials and specific websites. This study found that before assessing the relevance of this new politics, citizens need to know what, when, how, and why this new politics exists in order for them to understand more deeply about the political process in our country. Therefore, the results of the General Election for each cycle show that political knowledge is dynamic and that changes can be made by the people if they know all the important information.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dan memberikan penerangan secara terperinci berkaitan dengan proses politik baharu di Malaysia.

1. Pengenalan

Politik merupakan satu perkara yang wajib diketahui oleh semua rakyat. Politik baharu merupakan merupakan suatu bentuk perubahan yang baru berlaku dalam sesebuah negara. Politik baharu ini selalunya timbul daripada politik lama. Politik baharu ini sebenarnya telah lama berkembang di negara Barat seperti Eropah Barat, Amerika Syarikat dan Australia semenjak tahun 1960-an lagi. [Mastropaolo \(2012\)](#) menjelaskan bahawa politik baharu ialah satu proses yang menuntut sesuatu yang dinafikan dan memperbaiki praktis dalam politik lama. Politik baharu ini, jika dilihat dalam konteks yang lebih luas lagi, menjelaskan berkaitan siapa mendapat apa, bagaimana dan juga bila, yang lebih menekankan kepada nilai kemanusiaan, kebebasan dan juga kebenaran dalam pentadbirannya.

Menurut [Kasim dan Ahmad \(2002\)](#), politik baharu telah wujud pada abad ke-20 lagi melalui satu proses yang lama dan mempunyai satu landasan sejarah dan sosial yang tertentu. Politik baharu ini berlaku bukan secara tiba-tiba, sebaliknya terdapat faktor-faktor yang mencetusnya. Pertama, dalam konteks masyarakat, merekalah yang sebenarnya menggerakkan politik baharu ini apabila mempunyai ruang yang cukup dan luas untuk mengeluarkan pendapat dan pandangan mereka. [Castells \(2008\)](#) menjelaskan bahawa ruang untuk masyarakat sivil ini penting kerana dapat menyuarakan pendapat mereka untuk kepentingan dan pembangunan politik secara menyeluruh.

Seterusnya, penglibatan golongan muda dan masyarakat kelas menengah dalam politik turut mencetuskan satu revolusi budaya politik partisipasi apabila mereka mula melibatkan diri dalam politik secara lebih aktif. Jika dilihat dengan lebih mendalam lagi, perhimpunan secara besar-besaran dan demonstrasi semuanya digerakkan oleh golongan muda ini. Tambahan lagi, dengan adanya ledakan teknologi, media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan TikTok telah menjadi satu platform yang menyebarkan informasi dan menyuntik semangat untuk suatu bentuk budaya baharu yang lebih kritikal, informatif dan menggalakkan partisipasi. Menurut [Weiss \(2012\)](#), Internet bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi semata-mata, malah juga berpotensi mengagihkan semula kuasa dan membuka ruang perdebatan dengan lebih luas kepada semua.

Justeru, tujuan kajian ini adalah untuk memaparkan proses memahami politik baharu di Malaysia dan kronologi bagaimana politik baharu wujud di Malaysia.

2. Sorotan Literatur

[Awang Besar \(2019\)](#) dalam kajian beliau berkaitan perubahan politik dalam PRU-14 telah menjelaskan tentang satu 'gelombang' yang baharu telah berlaku secara besar-besaran. Didapati wujud *silent voters* atau 'pengundi senyap' pada kali ini dan terdapat pelbagai isu yang telah menjadi masalah besar dalam kerajaan Barisan Nasional (BN) yang tidak diselesaikan dan ini memberikan satu ruang kepada rakyat untuk beralih sokongan kepada Pakatan Harapan (PH) Maka, artikel ini akan mengkaji proses pemahaman secara menyeluruh berkaitan dengan politik baharu ini.

[Sani \(2018\)](#) dalam kajian beliau telah menjelaskan berkaitan dengan politik baharu. Menurut beliau, selama ini Malaysia telah mengamalkan konsep politik yang bertunjangkan kepada identiti dalam pentadbiran politiknya. Selepas Tun Dr. Mahathir mengambil alih tampuk kekuasaan, sudah nampak lebih banyak pengundi dan rakyat mula memilih parti yang memberikan ruang untuk bersuara. Malah, rakyat telah mula menolak politik yang berkaitan dengan perkauman dan bergerak ke arah politik baharu yang berlandaskan penglibatan rakyat secara besar-besaran dan kerjasama antara rakyat dalam mengatasi sesuatu masalah.

[Vellymalay dan Ponniah \(2018\)](#) dalam kajian mereka telah menjelaskan tentang penolakan etnik India terhadap parti politik *Malaysian Indian Congress* (MIC) secara besar-besaran. Sebenarnya, penolakan tersebut telah pun bermula sewaktu PRU12 dan berlaku secara berfasa. Perkembangan secara besar-besaran telah terjadi sewaktu PRU14. Pelbagai isu yang tidak dapat diselesaikan telah memberikan sebab kepada etnik India untuk mencari ruang dan peluang yang lain seperti isu GST dan kos sara hidup. Manifesto dan faktor generasi muda juga telah menarik minat etnik India untuk berpihak kepada PH.

[Kia \(2019\)](#) dalam buku beliau telah menjelaskan berkaitan dengan Reformasi Malaysia Baharu. Dalam buku ini telah menghuraikan sejarah pilihan raya yang berlaku dalam negara dan PRU14 merupakan kali pertama Barisan Nasional (BN) mengalami kekalahan teruk. Sudah jelas bahawa rakyat bersungguh-sungguh dan gigih untuk membawa suatu perubahan dalam kerajaannya telah memberikan satu peluang kepada kerajaan baharu untuk membina kerajaan persekutuan.

[Mohamed Noor dan Hamil \(2018\)](#) dalam kajian yang telah memfokuskan kepada kawasan pengundi majoriti Melayu/bumiputera menjelaskan bahawa kemenangan PH adalah disebabkan oleh faktor gabungan undi daripada kawasan bandar dan luar bandar yang telah berjaya memberikan ruang kepada PH untuk membentuk kerajaan. Perkara yang paling utama kepada kejayaan tersebut ialah Tun Dr Mahathir Mohammad, parti BERSATU dan juga Warisan yang telah memberikan kesan yang sangat mendalam kepada faktor kemenangan.

[Awang Besar et al. \(2020\)](#) dalam kajian beliau telah menjelaskan situasi politik di bandar dan juga luar bandar yang mempunyai trend yang tertentu. Politik bandar ini biasanya dikaitkan dengan persepsi dan tingkah laku politik penghuni yang menetap di kawasan tersebut dan boleh diterjemahkan melalui kuasa undi semasa pilihan raya diadakan. Secara asasnya, politik bandar boleh dikaitkan dengan pendedahan kepada media sosial

dan media interaktif dalam memperoleh segala maklumat dan juga berita yang relevan dengan politik semasa. Politik Melayu ini lebih menekankan kepada unsur taat setia dan akur dalam prinsip kepimpinan.

[Muthaly \(2018\)](#) dalam buku beliau menyatakan bahawa perjuangan pembentukan kerajaan baharu Pakatan Harapan ialah hasil idea Tun Dr Mahathir. PRU14 pada 2018 telah membawa kepada satu nafas tsunami Malaysia yang baharu dalam proses transformasi negara. 'Baharu' yang dimaksudkan dalam hal ini ialah pembentukan kerajaan yang baharu tanpa ada unsur campur tangan daripada orang-orang yang dinamakan sebagai 'kleptokrat'. Proses yang diambil oleh Tun Dr Mahathir adalah menggabungkan semua ahli politik ke dalam satu payung bawah konteks penyatuan politik.

[Mazlan Ali \(2018\)](#) telah menjalankan sebuah kajian yang berkaitan senario peralihan politik yang berlaku di Pantai Timur dengan mengenal pasti faktor kemenangan PAS kembali mentadbir di Terengganu. Sebelum PRU14, negeri tersebut adalah bawah pentadbiran kerajaan Barisan Nasional (BN). Antara faktor yang dikenal pasti ialah faktor Najib Razak, kenaikan harga barang, GST dan rasuah yang tinggi. Peranan utama Tun Dr Mahathir dalam membawa satu nafas baharu untuk Malaysia, kebangkitan anak muda, krisis UMNO dan juga kekuatan jentera parti telah dinilai lebih mendalam oleh pengundi sebelum mereka mengundi pada 9 Mei 2018 yang lalu.

2.1. Apa Itu Politik Baharu?

Politik merupakan satu seni yang berkaitan dengan manusia dan masyarakat. Politik merupakan satu perkara yang berkembang dari semasa ke semasa dan akan mengalami perubahan corak pentadbiran dan juga kepimpinan. Perkataan 'politik' berasal daripada perkataan yang merujuk kepada sifat peribadi atau lebih kepada perbuatan. Menurut [Nambo dan Puluwuluwa \(2005\)](#), politik ialah "*acting or judging wisely, well judged, prudent*" manakala politik dalam bahasa Yunani pula memberikan makna berkaitan dengan masyarakat iaitu *relating to citizens*.

Setiap negara mempunyai corak politik yang berlainan dan amalan berkaitan dengan politik mula dipraktikkan sejak abad ke-21 lagi. Dalam konteks Malaysia, sebelum mengkaji ciri politik baharu, ciri politik lama perlu juga diketahui terlebih dahulu. [Flanagan dan Lee \(2003\)](#) telah menjelaskan berkaitan politik lama dari pelbagai sudut. Antara yang pertama adalah politik identiti lebih memfokuskan kepada kesetiaan, penghormatan dan juga tanggungjawab. Ini dapat dilihat dengan jelas sewaktu seseorang menurut arahan daripada pihak berautoriti berbanding menurut pandangan sendiri. Kedua, politik identiti ini mempunyai kepercayaan yang tertentu yang kuat sehingga begitu sukar untuk menerima idea dan budaya yang lebih baharu. Perkara ketiga adalah politik identiti amat berhati-hati dan bersifat analitikal dalam proses perubahan, berbanding dengan politik baharu yang lebih bersedia untuk membawa perubahan.

Oleh itu, politik identiti atau lebih dikenali sebagai politik lama ini boleh jelas dilihat dalam negara yang membangun. Ia juga dikenali dengan sifat politik hibrid. Menurut [Levitsky dan Way \(2002\)](#), politik bersifat seperti ini dinamakan sebagai '*competitive authoritarianism*' dan kebanyakan negara seperti Afrika, Malaysia, Taiwan dan sebagainya mula mengamalkannya pada tahun 1990-an lagi. Kegiatan ini selalunya akan membawa kepada cara dan kaedah demokratik iaitu saluran pilihan raya bebas hak mengundi serta hak kebebasan sivil untuk tujuan berpegang kuasa untuk tempoh masa yang lama.

Walau bagaimanapun, politik identiti ini perlu dilihat dalam konteks Malaysia. Politik identiti ini dibahagikan kepada beberapa konteks seperti di [Jadual 1](#).

Jadual 1 : Jenis-jenis politik identiti

Jenis-jenis Politik	Butiran
i. Politik Pembangunan	Lebih mementingkan kepada ekonomi dan juga pembangunan negara (developmentalism).
ii. Politik perkauman	Sentimen perkauman yang sangat tebal dalam setiap aspek kehidupan masyarakat.
iii. Politik dominasi dalam institusi	Mengawal institusi dari segi keselamatan, pelaksanaan undang-undang, kebebasan dan juga kewibawaan.
iv. Politik ketakutan	Sifat takut yang menebal terdapat dalam diri individu kerana unsur kawalan dan juga hukuman yang akan dikenakan
v. Politik feodal	Budaya politik yang memerlukan ketaatan dan kesetiaan ditunjukkan kepada pemimpin yang memimpin dalam jangka masa tersebut.

Sumber: [Ismail dan Daud \(2016\)](#)

Kesemua ini dapat dilihat dalam konteks Malaysia dari segi pengamalan politik identiti atau dikenali sebagai politik lama.

Politik baharu ini meliputi segenap aspek daripada pemimpin, media sosial, masyarakat sivil dan sebagainya. Menurut [Curry \(2017\)](#), politik baharu ini mengambil kira dua konteks iaitu ekonomi dan pekerjaan dalam sesebuah negara. Konteks pekerjaan mempunyai kaitan yang mendalam dengan politik baharu seperti berikut:

“The Future Works and Workers based on imaginaries, full automation, a four day week, universal basic income and the erosion of the work ethic that need to be changed”

Kerja pada masa depan ialah berdasarkan kepada automasi penuh, seminggu empat kali kerja, pendapatan asas sejagat dan etika kerja yang perlu diubah.

Beliau menjelaskan implikasi konteks pekerjaan juga berupaya membawa kepada politik baharu di sesebuah negara. Bukan hanyaitu, Andrew juga telah mengklasifikasikan politik baharu kepada beberapa konsep iaitu seperti berikut:

- Demografi: Perubahan demografi politik dalam negara perlu berlaku. Golongan muda harus diberikan peluang dan ini akan mengambil masa yang lama kerana politik identiti telah lama diamalkan. Malah, proses adaptasi kepada sesuatu perkara yang baharu akan mengambil masa.
- Perubahan: Perubahan merupakan perkara yang wajib dan perlu dilakukan kerana politik identiti telah lama mengekalkan kuasanya. Perubahan akan berlaku jika mempunyai unsur politik baharu.
- Agenda: Salah satu komponen yang sangat penting dalam politik baharu kerana setiap perkara yang hendak dilaksanakan perlu diketahui oleh rakyat.
- Manifesto: Manifesto dalam konteks politik baharu ini lebih menekankan kepada kepentingan rakyat kerana manifesto merupakan segala janji yang memberikan

kepercayaan kepada rakyat bagi memilih dan mengundi pihak tertentu, maka setiap perkara yang dijanjikan perlu dilaksanakan.

Selain daripada itu, [Dalton et al. \(2004\)](#) juga telah memberikan beberapa ciri berkaitan dengan politik baharu. Antaranya ialah:

- (a) *Representative Democracy*: Kaedah ini menjelaskan bahawa politik baharu ini merupakan satu perubahan dan bermula dari peringkat negeri beralih kepada peringkat persekutuan. Ini dapat dilaksanakan dengan adanya pengundi dalam kalangan berumur 18 hingga 20 tahun. Golongan muda perlu melibatkan diri dalam dunia politik untuk sama-sama berjuang untuk negara bangsa.
- (b) *Direct Democracy*: Kaedah ini pula memberikan peluang dan ruang kepada rakyat untuk menentukan dasar/polisi yang perlu diubah suai untuk penambahbaikan dan kepercayaan bahawa polisi baharu boleh membentuk satu budaya politik yang baharu.
- (c) *Advocacy Democracy*: Ciri ini pula memberikan ruang dan peluang kepada rakyat melibatkan diri dalam pengendalian polisi kerajaan dan yang menarik dalam kaedah ini, pembuat keputusan ialah rakyat.

Seterusnya, politik baharu ini merupakan satu proses yang berterusan. Menurut [Mastropaolo \(2019\)](#), politik baharu ini mengambil kira penglibatan belia dalam konteks politik, persekitaran, hak rakyat dan sebagainya. Bukan itu sahaja, politik baharu ini merupakan sesuatu yang boleh ditambah baik dari setiap aspek yang telah ditinggalkan oleh senario politik identiti. Politik baharu ini juga membuka ruang kepada rakyat untuk melakukan pergerakan sosial dalam kalangan rakyat secara tersendiri. Terdapat kebebasan untuk menyertai sebarang aktiviti tanpa ada sebarang halangan. Perbezaan ciri-ciri politik identiti atau dikenali sebagai politik lama dan politik baharu ini adalah seperti diringkaskan dalam [Jadual 2](#).

Jadual 2 : Perbezaan politik lama dan politik baharu

Politik Lama/Identiti	Politik Baharu
Kuasa dipegang oleh individu tertentu untuk menentukan keputusan yang hendak dibuat.	Semua diberikan kebebasan untuk memberikan idea, pandangan dan cadangan. Keputusan akan dibuat selepas menilai setiap cadangan yang diberikan. Lebih menitikberatkan nilai.
Lebih memfokuskan kepada isu perkauman.	Lebih memfokuskan kepada rukun perjuangan.
Mementingkan kaum dalam proses membuat keputusan.	Konsep keterbukaan. Setiap wakil rakyat perlu melakukan deklarasi aset.

Sumber: [Abdullah \(2016\)](#)

Kerangka politik identiti dan politik baharu ini merupakan satu asas kesefahaman kepada masyarakat untuk menilai dan mengetahui perbezaantersebut. Perubahan politik baharu ini bukan sahaja akan mematangkan proses perjalanan politik di Malaysia malah juga mampu membawa perubahan dalam demokrasi di negara kita.

2.2. Bila Politik Baharu Bermula?

Pilihan raya merupakan satu kayu ukur kepada pemimpin untuk mengukur kredibiliti mereka dalam memikul segala tanggungjawab yang diberikannya. Namun begitu,

tumpuan dan perubahan keputusan pengundian yang berlaku pada tahun 1999 sehingga tahun 2008 menunjukkan bahawa pola pengundian sudah mula untuk beralih angin kepada sesuatu yang baharu. Hal ini telah mewujudkan satu suasana yang boleh dikatakan sebagai gelombang politik baharu kerana turun naik perubahan yang berlaku sepanjang tempoh tersebut.

Menurut [Arshad dan Mohamed Noor \(2018\)](#), politik baharu ini berlaku atas beberapa faktor. Faktor yang pertama berlaku selepas PRU pada tahun 1999. Keputusan PRU pada 1999 menunjukkan sekali lagi rakyat memberikan kepercayaan dan mandat kepada BN untuk membentuk kerajaan persekutuan. Menurut [Hilley \(2001\)](#), kemenangan tersebut berlaku kerana Tun Mahathir hendak mengekalkan status sebagai pemimpin negara yang paling lama. Pada waktu itu juga, Malaysia dalam fasa menghadapi masalah iaitu yang pertama masalah kegawatan ekonomi, dan yang kedua pula masalah pertembungan Anwar-Mahathir yang dianggap sebagai *Anwar Saga*. Malah ini jelas telah memberikan ruang kepada rakyat untuk mempunyai anggapan ini merupakan signal untuk pembentukan politik baharu.

Kedua, ialah implikasi peristiwa 13 Mei 1969 sehingga menjejaskan perpaduan pada waktu tersebut. Menurut [Hamil \(2005\)](#), Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dibawa oleh Tun Abdul Razak merupakan satu usaha untuk memberikan satu penyelesaian bagi menyusun semula masyarakat Malaysia agar dapat memperbaiki struktur ekonomi malah juga dapat mengeratkan jurang antara kaum. [Rashid \(1993\)](#) menjelaskan bahawa DEB ini sebenarnya bagus tetapi DEB ini terpaksa dibelakangkan untuk melahirkan elit yang berkuasa dan memberikan peluang dan ruang khas untuk membina golongan elit tersebut.

Ketiga ialah krisis ekonomi yang melanda Malaysia pada sekitar tahun 1997. PKrisis ekonomi ini bermula dari Thailand dan telah meresap ke seantero negara. Menurut [Milne dan Mauzy \(1999\)](#), krisis ini membawa kepada dua personaliti yang berbeza dalam konteks politik baharu iaitu pertama ialah Mahathir yang melihat masalah ekonomi sebagai perkara yang biasa kerana beliau mahu pertahankan pencapaian dan pembangunan negara yang telah dikecapi sebelum ini manakala yang kedua ialah Anwar Ibrahim yang dilabelkan sebagai seorang yang oportunis untuk memaksa Mahathir untuk meletakkan jawatan secepat yang mungkin. Menurut [Jaafar \(2000\)](#), pemecatan Anwar Ibrahim ini telah membawa satu perjalanan politik baharu di Malaysia walaupun telah dinafikan oleh Mahathir pada awalnya. Ternyata Anwar Ibrahim telah dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO secara serentak.

Keempat ialah, PRU yang berlaku pada tahun 2004. Menurut [Mohamed Noor \(2009\)](#), gelombang ini merupakan anjakan yang dibawa pada PRU tahun 1999 yang lepas. Apa yang jelas di sini, keputusan PRU tahun 2004 memperlihatkan perubahan yang cuba dibawa pada 1999 gagal kerana beberapa faktor termasuk pertukaran beberapa pucuk pimpinan. Antara ciri yang jelas dapat dilihat adalah gerakan masyarakat sivil yang memberikan tekanan yang hebat kepada pemimpin dan pada masa yang sama, isu yang dibawa juga dapat menarik minat masyarakat secara keseluruhannya. Menurut [Pandian \(2006\)](#), gelombang politik baharu pada tahun 2004 jelas dapat dilihat pada isu persaraan Mahathir serta kehadiran Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri yang ke-5.

Kelima ialah, gabungan parti pembangkang dilakar menjadi satu sejarah yang tidak pernah jadi sebelum ini iaitu PAS dan DAP dapat berjaya digabungkan bawah satu payung yang sama oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim. Menurut [Kasim dan Ahmad \(2002\)](#), kedua-dua parti ini tidak dapat bekerjasama kerana mempunyai kefahaman yang berbeza. Bukan

hanya itu, prinsip perjuangan yang diletakkan oleh Parti Keadilan iaitu “Ke Arah Malaysia Yang Adil” telah menunjukkan malah telah memberikan satu suntikan semangat berkaitan dengan demokrasi dan keadilan kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan beberapa insiden yang berlaku sebelum ini iaitu sebagai contohnya insiden menggunakan kuasa dan menindas yang dilakukan oleh Tun Dr Mahathir berulang lagi, ini merupakan langkah yang bijak oleh parti pembangkang untuk bergabung malah juga dapat membentuk satu persepsi yang lebih baik dalam kalangan masyarakat terhadap parti tersebut.

Keenam, kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi era pasca pemerintahan Mahathir telah meninggalkan satu kesan yang sangat mendalam dan juga telah membangunkan negara ke satu arah yang lebih efisien. Menurut [Khoo \(1995\)](#), era Mahathir dahulu boleh dikenali sebagai satu nama yang lebih efisien iaitu Mahathirism. Abdullah Ahmad Badawi telah membawa satu dasar baharu yang lebih terbuka ke arah demokrasi. Menurut [Ismail \(2012\)](#), Abdullah Badawi cuba untuk membawa satu politik baharu atau istilah yang lebih tepat adalah Abdullah dapat dilihat sebagai seorang yang membawa reformasi baharu dalam UMNO dan juga BN berbanding kepada Mahathir yang bersikap konservatif dalam membuat keputusan. Kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi telah memberikan satu contoh yang sangat berkesan dalam usaha memerangi rasuah dan juga meningkatkan mutu perkhidmatan dalam negara.

Ketujuh ialah aktiviti demonstrasi iaitu demonstrasi Bersih dan juga Hindraf boleh dikategorikan sebagai sebahagian gelombang politik baharu. Demonstrasi yang ditunjukkan oleh masyarakat sivil pada ketika dahulu iaitu demonstrasi jalanan ketika Anwar Ibrahim diberkas adalah bagi menunjukkan rasa tidak puas hati dan menuntut keadilan daripada pihak pemerintah. Ini telah memberikan satu jalan yang lebih jelas kepada masyarakat sivil untuk mempersoalkan pentadbiran kerajaan. Situasi kedua berlaku dengan konsep yang sama iaitu Hindraf apabila beberapa orang peguam telah membuat aduan menyatakan bahawa masyarakat India telah ditindas dalam aspek pembangunan ekonomi negara, pekerjaan, pendidikan, biasiswa dan sebagainya. Menurut [Zawiyah dan Mohamad Agus \(2012\)](#), walaupun demonstrasi diharamkan oleh kerajaan namun penyertaan sebanyak 30,000 orang telah menyertai demonstrasi ini. Kesannya, pihak berkuasa terpaksa turun ke tempat kejadian untuk melepaskan tembakan gas pemedih mata bagi menyuraikan mereka. Bukan hanya itu, sekatan di beberapa jalan juga diadakan dan seramai 240 orang telah ditahan termasuk pemimpin Hindraf di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Kesan demonstrasi tersebut, kerajaan telah bertindak untuk tidak membenarkan perhimpunan sebegini untuk berlangsung.

Kelapan ialah media sosial yang telah memberikan satu impak yang lebih signifikan kepada semua pengundi untuk menentukan keputusan mereka. Menurut [Tan \(2010\)](#), perkembangan media sosial ini bermula pada zaman Tun Dr Mahathir lagi dan telah tersebar luas sewaktu pentadbiran Abdullah Badawi. Maklumat yang tertentu dapat disebarkan kepada rakyat dengan kadar yang lebih cepat dan efisien. Secara kebetulan, media massa ketika ini selalunya dikawal oleh pihak kerajaan dan tidak memberikan kebebasan kepada individu ataupun pembangkang untuk menyuarakan pendapat mereka. Oleh itu, mereka menggunakan media alternatif seperti laman blog, Facebook, Whatsapp dan Twitter untuk meluahkan apa yang mereka rasai. Implikasi ini memberikan satu lagi gambaran kepada pihak pembangkang untuk membawa politik baharu. Walaupun pada PRU tahun 2008 BN telah hilang undi dua pertiga, masih dianggap mustahil untuk pihak pembangkang membawa perubahan yang besar. Ini jelas

menunjukkan Internet merupakan alat yang paling tajam yang boleh digunakan untuk memberikan kesedaran dan pencerahan kepada rakyat.

Faktor kesembilan ialah PRU13 itu sendiri. Fenomena politik baharu telah jelas dilihat pada PRU13. Menurut [Othman \(2002\)](#), desakan dan penglibatan masyarakat sivil dalam proses demokrasi dalam negara sudah mula berkembang kepada satu fasa yang lebih baik. Perhimpunan sebegini dapat mengumpulkan beberapa kumpulan dengan begitu banyak walaupun ada juga segelintir pihak berpendapat bahawa perhimpunan sebegini dapat membawa kepada huru-hara, perpecahan dan sebagainya. PRU13 dapat membawa satu nafas politik baharu supaya melibatkan masyarakat sivil secara rancak dalam proses membuat sesuatu keputusan.

Faktor terakhir ialah Pelan 1Malaysia iaitu suatu rancangan yang dibawa oleh Dato' Seri Najib Razak dengan jenama 1Malaysia iaitu pembahagian bantuan mengikut umur rakyat Malaysia. Sebagai contoh, baucar 1Malaysia yang bernilai RM250 kepada semua mahasiswa IPTA dan IPTS selain daripada Kad Siswa 1Malaysia juga merupakan sebahagian inisiatif Dato Seri Najib Razak melalui pelan ini. Duit BRIM juga merupakan satu bentuk bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat yang layak menerima bantuan. Ini merupakan satu inisiatif yang boleh dilihat sebagai politik pembangunan yang terdapat dalam konteks politik identiti. Inisiatif ini hanya berkekalan semasa zaman Dato' Seri Najib Razak sahaja kerana rakyat sudah mula sedar berkaitan bantuan ini. Rakyat merasakan pemberian ini dilakukan agar kerajaan dapat memegang tampuk pemerintahan dalam satu masa yang lama.

2.3. Siapa Penyokong Politik Baharu?

Dalam politik, pemimpin penting untuk membawa hala tuju politik dan untuk membawa dan menggerakkan keseluruhan jentera parti politik tersebut. Menurut temu bual yang dijalankan bersama S. A. Baharuddin (temubual individu, Februari 10, 2022), beliau menyatakan bahawa:

“Penyokong kuat ialah NGO bukan parti politik itu. Parti politik itu ketuanya berpindah-pindah. NGO ini tidak kerana NGO yang besar seperti BERSIH atau NGO yang triple C, triple 4 ke kecil-kecil yang SUHAKAM ataupun SUHARAM dan adajuga orang Melayu yang setia bukan hanya kumpulan Sivarasah sahaja malah ada juga NGO yang setia dan merekalah merupakan kuasa ketiga untuk kita gerakan politik. Mungkin orang akan kata apalah masyarakat sivil tak kuat mana pun tapi kuasa daripada masyarakat sivil ini sangat kuat kerana banyak persatuan Islam yang menentang ISERD semua ini masyarakat sivil Islam dan mereka ini kuat pada satu arena.”

Oleh itu, menurut apa yang dijelaskan oleh Shamsul Amri Baharuddin, pendukung untuk politik baharu ini dari satu perspektif ialah masyarakat sivil sendiri kerana keterlibatan mereka dalam banyak aktiviti. Apabila mereka menyertai kebanyakan aktiviti dan program-program yang tertentu, banyak perkara yang boleh diketahui dan dipelajari dengan lebih mendalam dan jelas lagi. Idea yang diperolehi mereka dapat disalurkan kepada pemimpin. Program sebegini juga memberi peluang kepada mereka untuk menonjolkan ciri-ciri kredibiliti mereka.

Seterusnya, penyokong politik baharu juga dijelaskan oleh M. A. Yusoff (temu bual individu, Februari 10, 2022) seperti berikut:

“Saya rasa itu antara penyokong besar apa antara politik baharu sama ada dalam kalangan akademikian, kalangan masyarakat sivil, kalangan ahli politik saya fikir inilah pendukung-pendukung politik baharu daripada pelbagai segmen masyarakat. Apa lagi masyarakat sivil itu ialah pendukung politik baharu. Cuma masalahnya kerajaan ini, siapa pun kerajaan, siapa sahaja yang against that mereka kata inilah perosak kepada kestabilan politik negara bukan orang yang go against establishment mendukung suara rakyat, mengkritik kerajaan yang konstruktif itu adalah orang yang mahu negara berubah orang yang mahu negara berubah kalau pendukung politik baharu dalam kalangan akademikian boleh cari ramai orang dan kalangan pembangkang sekarang ini oposisi you tengok dalam kalangan PKR, dalam kalangan DAP, dalam kalangan AMANAH, dalam kalangan MUDA Syed Saddiq itu orang yang mempunyai masa depan Maszlee ini antara orang yang perlu diberi peluang yang untuk mengurus negara pada masa depan. KJ mempunyai potensi yang hebat tapi dia itulah dalam Barisan Nasional tapi ini antara orang-orang yang hebat ke depan.”

Apa yang dijelaskan oleh M. A. Yusoff (temu bual individu, Februari 10, 2022) berkaitan perspektif beliau ialah masyarakat sivil merupakan satu komponen yang paling utama untuk politik baharu dan dilihat dalam konteks ini pemimpin yang terdiri daripada kalangan orang muda telah wujud itu juga merupakan satu bentuk politik baharu yang boleh dilihat dengan lebih jelas dan mendalam lagi sama ada dari pihak kerajaan ataupun pihak pembangkang.

Ini dapat dijelaskan dalam konteks terkini apabila [Ahmad Mustadza \(2022\)](#) menjelaskan tentang dimensi pembawaan Ismail Sabri sebagai pelopor kepada Politik Baharu di Malaysia. Perdana Menteri ke-9 iaitu Dato' Seri Ismail Sabri dikatakan membawa satu ideologi baharu dalam politik. Pada waktu yang agak rumit beliau telah menggalas tanggungjawab yang cukup besar dan telah meletakkan tema “Keluarga Malaysia” sebagai satu bentuk akar umbi untuk menyatupadukan semua rakyat di bawah satu payung yang sama. Bukan hanya itu, perkara yang mencetus lagi politik baharu sejarah negara perjanjian MOU tersebut telah membuka mata rakyat dan juga pembangkang untuk memberikan keyakinan yang sepenuhnya kepada beliau untuk mentadbir dalam konteks politik baharu.

Selain itu, artikel dalam akhbar Berita Harian telah mengupas berkaitan persefahaman antara pembangkang dengan kerajaan sebagai satu cetusan era politik baharu ([Bernama, 2021](#)). Ini merupakan satu bentuk persefahaman yang bertunjangan kepada konsep demokrasi kerana kepentingan dan ketenteraman rakyat terus terjaga dan ini akan memberikan kesan yang mendalam kepada proses pentadbiran negara. [Zakaria \(2020\)](#) telah menjelaskan berkaitan politik etnik dan politik baharu dalam konteks keadaan politik di negara kita. Walaupun pada tahun 2018 kerajaan persekutuan telah berubah untuk membentuk satu persekutuan bersama dengan kepelbagaian etnik yang dinamakan sebagai kerajaan Pakatan Harapan (PH) namun perkara etnik masih dibawa.

Ini secara jelas boleh dilihat bagaimana sentimen berkaitan dengan kaum masih lagi dibawa dalam konteks politik baharu. Dalam konteks politik baharu yang berpihak

kemenangan kepada PH ialah sentimen menyelamatkan Malaysia daripada kerosakan telah memberikan satu kejayaan dan kemenangan yang paling besar untuk kerajaan PH. Dalam konteks yang luas, pembentukan Muafakat Nasional (MN) oleh parti BN dan PAS tujuan utamanya ialah untuk membendung keresahan terhadap ekonomi negara dan juga untuk mempertahankan sentimen perkauman dalam negara. Sama juga keadaan dalam parti politik etnik yang membawa semua agenda utama meletakkan etnik sebagai satu fokus yang paling utama dalam menjalankan sebarang program yang tertentu. Oleh itu, jelas disini yang dinyatakan oleh Jazimin iaitu dalam pembawaan politik baharu di Malaysia, perjuangan berkaitan dengan etnik masih tidak boleh dipisahkan dan masih berterusan.

Menurut [Ali \(2018\)](#), Malaysia yang baharu memerlukan pendekatan politik baharu. Suatu insiden yang berlaku di Kuching apabila beliau dihalang untuk memasuki dan menyertai suatu program telah memberikan satu kesan yang sangat tidak baik kepada beliau dan perkara yang baharu beliau tekankan di sini adalah sebagai rakyat, kita masih tidak boleh menekankan kepada strategi ataupun percaturan yang dibawa oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) sejak zaman dahulu lagi.

Seterusnya, [Syazwan \(2020\)](#) menjelaskan bahawa anak muda kini yang lebih progresif dan canggih dalam penggunaan teknologi dan juga mampu memberikan idea yang pelbagai dalam membentuk satu jajaran politik baharu di Malaysia. Perkara yang dijelaskan oleh beliau ialah Malaysia memerlukan politik anak muda sebagai simbol kepada permulaan politik baharu di negara kita. Malah ini juga dapat membawa lebih banyak idea yang bagus dan baharu yang boleh diimplementasikan dalam pembangunan negara secara bersama.

Menurut [Mohd Rais \(2022\)](#), peranan generasi muda mampu untuk mengubah landskap politik negara menuju kepada politik baharu. Dalam hal ini, beliau telah mengulas berkaitan bagaimana keadaan politik negara kita berubah sewaktu zaman PH sehingga wujudnya PN. Ini menunjukkan pengundi sekarang khususnya golongan muda lebih terbuka untuk menerima dan memerhati sebelum membuat sebarang keputusan yang lain yang berkaitan dengan pemilihan parti politik yang mereka kehendaki. Ini boleh dikatakan sebagai satu bentuk politik baharu yang wujud di negara kita selepas kejatuhan zaman kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang dahulu.

2.4. MENGAPA POLITIK BAHARU?

Politik baharu ini jelas memerlukan pelaksanaan strategik dan teratur kerana merupakan satu pembawaan ideologi yang tertentu untuk memastikan perjuangan yang dibawa difahami oleh rakyat. Menurut M. Mohamad (personal communication, April 18, 2022):

“Dia sebenarnya belum sampai masa kerana rakyat masih lagi kesetiaan mereka masih lagi berasakan kepada kaum mereka jadi dengan itu penerimaan dasar baru ini. Cuma di kalangan sedikit sahaja rakyat yang berpelajaran yang sudah maju dan mereka tidak berasa terancam dengan kaum-kaum yang lain mereka terima tapi bilangan mereka tak besar masih lagi pergantungan ialah berasaskan kepada kaum.”

Mahathir menjelaskan bahawa penerimaan politik baharu ini dalam kalangan rakyat Malaysia masih terhad kepada golongan yang mempunyai status pendidikan yang tinggi, malah ada banyak lagi yang masih terikat dengan budaya perkauman iaitu semua perkara

bergantung kepada konsep perkauman untuk menggerakkan perkara-perkara yang tertentu.

Seterusnya, S. Chandran (temu bual individu , April 8, 2022) telah menjelaskan mengapa politik baharu sangat relevan dalam konteks Malaysia seperti berikut:

“Pertama saya fikir sejak tahun 2018 ini banyak sangat ketidakstabilan politik di negara kita. Kita perlu politik baharu untuk membina semula kestabilan yang telah kita hilang. Kedua saya fikir ia penting untuk kelangsungan demokrasi kita sendiri. Tawaran/gagasan baru yang mengambil kira dan memberi perhatian ataupun address the contemporary needs itu perlu membina keyakinan rakyat terhadap sistem dan institusi yang menguruskan day to day operation of the country. Ketiga, sebagai satu nafas baharu dalam politik negara yang saya fikir telah agak tepu dan seolah-olah dikuasai oleh individu tertentu sahaja.”

Politik baharu sangat diperlukan untuk membina semula kestabilan negara kita malah ini juga merupakan satu proses demokrasi yang telah dibawa sejak zaman kemerdekaan lagi. Politik baharu ini merupakan satu nafas baharu kepada rakyat untuk menerima dan pada masa yang sama menilai prestasi semua ahli pemimpin tertentu.

Menurut [Abdullah \(2016\)](#) dalam satu laman sesawang, Malaysia memerlukan politik baharu kerana terdapat empat komponen utama yang dapat memberikan penjelasan dan penerangan yang lebih mendalam. Beliau menjelaskan bahawa pembawaan politik baharu ini dapat melahirkan satu budaya politik yang mampu melahirkan amalan demokrasi yang lebih sihat, matang, progresif dan responsif dalam menjalankan tanggungjawab yang diberikan. Bukan hanya itu, dalam konteks politik baharu ini juga, politik keilmuan, politik kebijaksanaan, politik perkhidmatan dan rangka kerja baharu perlu diubahseiring dengan politik baharu. Inovasi yang baharu akan wujud dalam rangka kerja tersebut yang dinamakan sebagai inovasi dalam demokrasi. Secara jelas politik baharu ini merupakan satu bentuk platform yang diberikan kepada rakyat untuk membuat pilihan kerana politik baharu ini mampu untuk melahirkan sebuah masyarakat dengan pemikiran yang lebih baharu berasaskan kepada kepercayaan kepada Tuhan, budaya ilmu, tamadun pertubuhan, keadilan dalam konteks ekonomi dan sebagainya.

Selain itu, menurut [Kamarudin \(2021\)](#), negara kita perlukan politik baharu kerana corak pemikiran pengundi yang dilihat dalam PRU14 yang lalu memberikan satu gambaran yang jelas kepada semua bahawa negara kita mampu beralih kepada satu fasa peralihan sokongan yang berbentuk baharu. Apa yang baharu di sini ialah, pertama kali dalam sejarah, kita telah pun mempunyai seorang wanita yang memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, perkarareformasi yang dibincangkan 20 tahun yang lepas telah menjadi kenyataan dan pelbagai perkara yang lain. Politik baharu perlu dalam konteks Malaysia kerana negara perlukan penglibatan golongan muda dalam politik, penglibatan wanita, penglibatan kaum bukan Melayu dalam semua perkara dan juga budaya yang berlainan mampu membawa satu perubahan kepada demokrasi dalam negara kita.

2.5. Bagaimana Bentuk Politik Baharu?

Apabila menjelaskan tentang politik baharu ini sudah semestinya kita perlu mengetahui berkaitan bagaimana kita perlu melaksanakan politik baharu tersebut. S. A. Baharuddin (temu bual individu, Februari 10, 2022) menjelaskan:

“Politik Baharu is a movement as a social movement in the form of political parties, carries an political parties because its social movement no one is controlling is people who controls it because they got different components. Komponen yang berbeza dan parti yang berbeza ini yang kuat menarik di Malaysia seperti parti yang kuat di Sarawak tak kuat di Sabah dan ini merupakan pergerakan dan penerimaannya. Yang inilah cara dia dan inilah disebut sebagai bagaimana politik baharu berfungsi semuanya melalui masyarakat, NGO, 3rd party movement.”

Oleh itu, apa yang dijelaskan oleh Baharuddin sudah jelas menyatakan bahawa politik baharu ini memerlukan penglibatan oleh rakyat secara sepenuhnya untuk mengerakkan politik ini. Semua negeri mempunyai kaedah politik yang sangat berbeza dan keunikan politik tersebut yang dimaksudkan sebagai cara pemikiran ataupun corak pemikiran pengundi yang terdapat di kawasan tersebut.

Zin (2022) telah menjelaskan bagaimana bentuk politik baharu untuk keadaan masa sekarang. Bagaimana sebelum PRU-14 semua rakyat bersatu untuk membentuk sebuah kerajaan baharu yang bernama Pakatan Harapan selepas berlaku pergolakan dalam parti tersebut maka parti tersebut telah pecah dan berlaku Langkah Sheraton. Pihak yang dipilih oleh rakyat menjadi pembangkang dan pihak yang ditolak oleh rakyat menjadi kerajaan semula. Situasi ini dikaitkan juga bagaimana politik baharu berlaku sewaktu PRN Johor yang lalu iaitu walaupun pada PRU14 rakyat beralih untuk menyokong PH, sewaktu PRN rakyat kembali menyokong BN dengan memberikan kepercayaan kepada mereka. Ini menunjukkan bagaimana rakyat bergerak untuk menentukan pilihan mereka dengan mengikut kepada cita rasa mereka yang tersendiri.

Selain itu, menurut Bernama (2022) dalam portal berita, Sharil Suffian Hamdan menjelaskan parti UMNO perlu menyesuaikan keadaan sekarang dengan kaedah situasi politik baharu di negara kita. Beliau menjelaskan bahawa dengan kehadiran parti politik yang baharu kita tidak boleh mempunyai sifat memandang rendah terhadap parti politik tersebut. Malah UMNO perlu mula untuk mencari penyelesaian yang relevan untuk mendapatkan perhatian daripada pengundi muda kerana dalam arena politik baharu terdapat pelbagai kemungkinan yang mungkin boleh berlaku. Ini juga boleh menjelaskan bagaimana sebuah parti politik bergerak dan menyesuaikan dirinya seiring dengan keadaan politik semasa dalam negara.

Walau bagaimanapun, M. A. Yusoff (temu bual individu, Februari 10, 2022) menjelaskan bahawa pelaksanaan politik baharu adalah seperti berikut:

“Institusi negara itulah birokrasinya, legislatifnya, eksekutifnya, judisierinya, institusi negara perlu meyakinkan rakyat kalau institusi negara tidak boleh meyakinkan rakyat tak ke mana so itu saya cakap reformasi institusi perlu agen-agen inilah. Kalau kerajaan lemah institusi negara kukuh, ini masalah kerajaan lemah institusi negara entah ke mana hancur negara, so birokrat kena kukuh birokrasi kena hebat, kehakiman

kena hebat, parlimen legislatif kena hebat, dia akan jadi hebatlah. So itu saya ingat kekangan yang perlu diangkat ke tahap yang sesuai.”

Apa yang telah dijelaskan oleh beliau berkaitan dengan proses politik baharu ini perlu bermula dari akar umbi yang tersendiri dari birokrasi, eksekutif, badan kehakiman dan juga institusi negara perlu melakukan perubahan yang strategik mengikut kepada masa kerana semua ini akan dinilai oleh rakyat dengan teliti. Apabila semua ini berfungsi dan juga mengikut kepada kehendak yang ditentukan maka tahap negara akan berkembang ke arah yang lebih berkesan lagi. Proses politik baharu bermula daripada semua perkara ini sebenarnya.

3. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, politik baharu ini merupakan satu konteks yang berterusan yang mempunyai pelbagai perubahan dari semasa ke semasa. Sesungguhnya politik baharu ini merupakan satu proses yang penuh dengan dinamik dan strategik yang tertentu. Dinamik politik baharu ini dapat memberikan gambaran secara jelas bagaimana politik baharu ini dapat dilaksanakan dalam negara kita. Faktor-faktor dalam parti politik dan rakyat tertentu telah membentuk politik baharu di dalam negara kita. Proses apa, bila, bagaimana dan mengapa merupakan satu perkara yang menjadi asas untuk mengkaji maklumat berkaitan dengan politik baharu ini.

Malaysia dapat menjadi sebuah negara yang unik kerana demokrasi berparlimen yang diamalkan oleh negara kita dan salah satu perkara yang membuatkan terhasilnya politik baharu adalah melalui demokrasi tersendiri. Asas kepada pembentukan politik baharu sebenarnya adalah daripada rakyat tersendiri. Pemimpin dan parti politik boleh menyusun strategi untuk memenangi hati pengundi tetapi pengundi yang akan tetapkan strategi pengundiannya. Rakyat telah membuat keputusan untuk memilih parti politik yang tertentu untuk membentuk kerajaan, oleh itu semua pihak perlu menerima keputusan dengan terbuka. Oleh itu, politik baharu ini suatu perkara yang baru diamalkan secara menyeluruh mampu memberikan satu perubahan kepada landskap politik negara.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Sekalung terima kasih yang tidak terhingga kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya untuk menjayakan kajian ini

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak mendapat sebarang tajaan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, kepengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdullah, S. (2016). *New politics: Multiracial and moderate Malaysian democracy*. Institut Darul Ehsan.
- Ahmad Mustadza, A. A. (2022, February 15). Ismail Sabri pelapor politik baharu di Malaysia. *Suara.Tv*. <https://suara.tv/15/02/2022/ismail-sabri-tampil-demensi-politik-baharu-malaysia/>
- Ali, H. (2018, Ogos 24). Malaysia perlu pendekatan politik baharu. *Sarawak Voice*. <https://sarawakvoice.com/2018/08/24/malaysia-baharu-perlu-pendekatan-politik-baharu/>
- Arshad, N. F., & Mohamed Noor, M. N. (2018). *Gelombang politik baharu di Malaysia 1999-2013*. Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Awang Besar, J. (2019). Perubahan politik dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 220–232. <https://doi.org/10.17576/geo-2019-1504-16>
- Awang Besar, J., Mohd Yusof, A. R., Ghazali, A. S., Ali, M., Yusuff, N. A., Nayan, N., & Boyman, S. N. (2020). Trend of Voting in Malaysian General Election 2018 in Urban and Rural Area. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5(19), 128–144. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.5190010>
- Bernama. (2022, Februari 4). UMNO perlu sesuaikan dengan landskap politik baharu - Shahril Suffian. *Melaka Hari Ini*. <https://www.melakahariini.my/umno-perlu-sesuaikan-dengan-landskap-politik-baharu-shahril-suffian/>
- Bernama. (2021, Ogos 25). Persefahaman PM, pembangkang permulaan era politik baharu yang positif. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/856024/persefahaman-pm-pembangkang-permulaan-era-politik-baharu>
- Castells, M. (2008). The new public sphere: Global civil Society, communication networks, and global governance. *Annals of the American Academy of Political and Social Science*, 616(1), 78-93. <https://doi.org/10.1177/0002716207311877>
- Curry, A. (2017). The city, the country, and the new politics of place. *Journal of Futures Studies*, 21(3), 1-14. [https://doi.org/10.6531/JFS.2017.21\(3\).A1](https://doi.org/10.6531/JFS.2017.21(3).A1)
- Dalton, R. J., Scarrow, S. E., & Cain, B. E (2004). Advanced democracies and the new politics. *Journal of Democracy*, 15(1), 124-128. <https://doi.org/10.1353/jod.2004.0004>
- Flanagan, S. C., & Lee, A.-R. (2003). The new politics, culture wars, and the authoritarian-libertarian value change in advanced industrial democracies. In *Comparative Political Studies*, 36(3), 235-270. <https://doi.org/10.1177/0010414002250664>
- Hamil, J. (2005). *UMNO dalam politik dan perniagaan Melayu*. Buku Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hilley, J. (2001). *Malaysia: Mahathrisme, hegemony and the new opposition*. Zed Books.
- Ismail, M. T. (2012). Abdullah Ahmad Badawi dan Nikita Khrushchev sebagai reformis: Suatu perbandingan. *Kajian Malaysia*, 30(1), 71-106.
- Ismail, M. T., & Daud, S. (Eds.) (2016). *Pilihan Raya Umum ke-13: Kesenambungan politik baharu, kekentalan politik lama*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Jaafar, K. (2000). *Pilihan raya 1999 dan masa depan politik Malaysia Selangor*. Buku IKDAS Sdn.Bhd.
- Kamarudin, R. P. (2021, Oktober 2021). Sebab kenapa Malaysia memerlukan politik baru dan budaya politik baru. *Media Islam*. <https://mediainlam.net/berita/2021/10/20/sebab-kenapa-malaysia-memerlukan-politik-baru-dan-budaya-politik-baru/>
- Kasim, M. Y., & Ahmad. A. (2002). *Politik baru dalam pilihan raya umum*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Khoo, B. T. (1995). *Paradoxes of Mahathrism: An intellectual biography of Mahathir Mohamad*. Oxford University Press.
- Kia, S. K. (2019). *Days of Hope: Real reform for 'New' Malaysia*. SUARA Intiatif.
- Levitsky, S., & Way, L. A. (2002). The rise of competitive authoritarianism. *Journal of Democracy*, 13(2), 51-65. <https://doi.org/10.1353/jod.2002.0026>
- Mastropaolo, A. (2012). The long build towards a new politics. *Queries*, 9, 41-48.
- Mazlan Ali, M. (2018, Jun 23). Dua Tsunami berbeza yang menelan UMNO? *Malaysiakini* <https://www.malaysiakini.com/news/430893>
- Milne, R. S., & Mauzy, D. K. (1999). *Malaysian politics under Mahathir*. Routledge.
- Mohamed Noor, M. N. (2009). *Politik Malaysia di persimpangan: Praktik politik dalam PRU 2008 kontemporari*. Strategic Information and Research Development Centre
- Mohamed Noor, M. N., & Hamil, J. (2018). Politik, pengundi dan faktor Melayu/Bumiputera: Analisa terhadap kegagalan Barisan Nasional dalam PRU 2018. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2), 386-408.
- Mohd Rais, M. (2022, Februari 11). Generasi muda bentuk landskap politik baharu negara. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/187519/KHAS/Pendapat/Generasi-muda-bentuk-landskap-politik-baharu-negara>
- Muthaly, K. (2018). *May 9 people power saves Malaysia: Mahathir leads the way*. Krishnamoorthy Muthaly.
- Nambo, A., & Puluuluwa, M. R. (2005). Memahami tentang beberapa konsep politik (Suatu telaah dari sistem politik). *MIMBAR : Jurnal Sosial dan Pembangunan*, 21(2), 262-285.
- Othman, Z. (2002). Masyarakat sivil dan pendemokrasian. In G. Mayudin (Ed.), *Politik Malaysia: Perspektif Teori dan Praktis* (pp. 39-59). Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Pandian, S. (2006). Pilihan Raya Umum 1999 dan 2004: Perubahan dan kesinambungan. In M. F. Yaacob (Ed.), *Malaysia: Menangani Perubahan dan Pembangunan*. Penerbit Universiti Malaya.
- Rashid, R. (1993). *A Malaysian journey*. Rehman Rashid.
- Sani, M. A. M. (2018), Battle Royale on social media in the 2018 general election in Malaysia. *Asian Politics & Policy*, 10, 556-560. <https://doi.org/10.1111/aspp.12410>
- Syazwan. (2020, September 11). Sekolah 2.0 politik baharu anak muda: Masa depan di Malaysia. *Belia.org*. <https://belia.org.my/wp/2020/09/11/sekolah-politik-2-0-politik-baharu-anak-muda-masa-depan-di-malaysia/>
- Tan, L. O. (2010). *Dinamik ruang siber dalam gerakan reformasi di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Vellymalay, S. K. N., & Ponniah, S. (2018). Tsunami India dalam Pilihan Raya Umum Ke-14: Peralihan sokongan daripada politik etnik kepada politik multietnik. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2), 206-231.
- Weiss, B. M. L. (2012). *Politics in cyberspace: New media in Malaysia*. fesmedia Asia. http://www.fesmedia-asia.org/uploads/media/MALAYSIA_2012.pdf
- Zakaria, J. (2020, July 15). Politik etnik dan politik baharu. *Suara Merdeka*. <https://suaramerdeka.com.my/politik-etnik-dan-politik-baru/>
- Zawiyah, M. Z., & Mohamad Agus, Y. (2012). Ketidakuran sivil dan kesanya ke atas pendemokrasian di era Abdullah Badawi. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 39, 1-23.
- Zin, P. (2022, Februari 13). Perubahan mendadak dalam realiti politik Malaysia. *Malaysi Now*. <https://www.malaysianow.com/my/opinion/2022/02/13/perubahan-mendadak-dalam-realiti-politik-malaysia>